

**PAS Sembah Takziah Kepada Agong Atas Kemangkatan Adinda Baginda Bernama
Mei 21, 2014**

ALOR SETAR, 21 Mei (Bernama) -- PAS Kedah hari ini mempersembahkan ucapan takziah kepada Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah atas kemangkatan adinda baginda Tunku Bendahara Kedah, Tan Sri Tunku Annuar Sultan Badlishah.

Pesuruhjaya PAS negeri Datuk Mahfuz Omar berkata pemergian Almarhum Tunku Anuar, 75, yang merupakan Pengerusi Jemaah Pemangku Sultan Kedah, adalah berita yang sangat mengejutkan seluruh rakyat jelata.

"Lebih-lebih lagi bagi kami, kepimpinan dan ahli-ahli PAS Kedah yang merasai sentuhan jasa bakti baginda sewaktu menaungi kerajaan negeri Kedah di bawah pimpinan Allahyarham Tan Sri Azizan Abdul Razak dahulu.

"Baginda sangat mengambil berat setiap pelaksanaan program anjuran Kerajaan Negeri dan proaktif dalam memberi cadangan membina. Kami menyifatkan Almarhum Tunku Anuar adalah pemimpin yang sangat istimewa di mata dan hati rakyat. Pemergian beliau adalah kehilangan besar kepada negeri Kedah," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Tunku Annuar mangkat di Hospital Pantai Ipoh, Perak pukul 12.20 tengah malam tadi.

Mahfuz berkata sehubungan itu, Badan Perhubungan PAS Kedah akan mengadakan satu majlis tahlil khas untuk Almarhum Jumaat ini selepas solat Maghrib di Madrasah Islahiah Diniyah, Memali, Baling.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1040165>